

Pengkritik Abdullah kini terpaksa mendiamkan diri

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Pihak-pihak yang mengkritik Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana dikatakan terlalu memberikan tumpuan kepada pembangunan modal insan terpaksa mendiamkan diri setelah pendekatan itu berjaya meletakkan ekonomi dan politik negara dalam keadaan mantap.

Ketua Penerangan UMNO, Senator Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, perkara itu terbukti apabila nilai keseluruhan pelaburan asing di Malaysia sehingga September tahun lalu berjumlah RM3.4 bilion berbanding RM3 bilion sepanjang tahun 2005.

Beliau berkata, bilangan penganggur di Malaysia juga telah menurun daripada 63,000 orang antara Januari hingga Jun 2006 kepada 25,297 orang pada Oktober tahun yang sama.

"Pak Lah juga mendapat sokongan

padu daripada semua ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO dan parti komponen Barisan Nasional (BN) kerana mereka percaya kepimpinan beliau bersesuaian dengan keadaan pada ketika ini," katanya.

Muhammad berkata demikian ketika berucap pada sesi forum Seminar Kebangsaan Abdullah Ahmad Badawi Tiga Tahun di Putrajaya: Menjejak Pencapaian dan Strategi Masa Depan Negara di sini hari ini.

Forum bertajuk Misi Nasional dan Wawasan 2020: Strategi Kesejahteraan Masa Depan Masyarakat itu dipengerusikan oleh Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datuk Dzulkifli Abdul Razak.

Muhammad yang juga bekas Menteri Besar Selangor berkata, tumpuan diberikan terhadap modal insan oleh Abdullah kerana pembangunan fizikal sudah di-

laksanakan oleh Perdana Menteri lain sebelum ini.

"Kejayaan ketara bagi membangunkan modal insan adalah melalui gagasan Islam Hadhari apabila ia dapat mengubah pandangan masyarakat yang sebelum ini menganggap Islam hanya melibatkan sembahyang lima waktu dan berpuasa sahaja," katanya.

Sedar

Menurut beliau, masyarakat kini mula sedar bahawa pelaksanaan Islam harus membabitkan aspek keduniaan termasuk pendidikan dan ekonomi.

Sementara itu, seorang lagi ahli panel iaitu pensyarah Universiti Malaya (UM) yang juga pakar sejarah, Profesor Datuk Dr. Khoo Kay Kim melahirkan kebimbangan usaha Abdullah membangunkan mo-

dal insan terjejas akibat kelemahan pelaksanaan di peringkat bawahan.

Katanya, gejala tersebut terbukti apabila UM yang sebelum ini menjadi pusat melahirkan tokoh kepimpinan negara kini agak lesu dan boleh dikatakan tiada sebarang aktiviti pada waktu malam.

"Perpustakaan juga semakin sunyi kerana tidak dikunjungi pelajar dan terdapat banyak buku yang hilang iaitu sesuatu yang tidak pernah berlaku sebelum ini," ujarnya.

Sementara itu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid ketika berucap menutup seminar tersebut berkata, tempoh tiga tahun adalah terlalu singkat untuk para pengkritik menilai kepimpinan Abdullah.

"Saya juga kesal kerana gagasan Islam Hadhari yang diterima baik oleh negara-negara Islam lain ditolak oleh beberapa pihak di negara ini," katanya.